



## SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA KENYATAAN MEDIA

Bil.17/2019

### SPR HANTAR KAD PENGUNDI (VOTER'S CARD) KEPADA 54,471 ORANG PENGUNDI DI PRK DUN N.24 SEMENYIH

1. Dalam usaha menggalak dan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.24 Semenyih, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melaksanakan satu lagi inisiatif dengan menghantar kad pengundi (*voter's card*) kepada **54,471** orang pengundi bagi Pilihan Raya Kecil DUN N.24 Semenyih yang meliputi **951** orang pengundi awal dan **53,520** orang pengundi biasa.
2. *Voter's card* tersebut mengandungi maklumat pengundian iaitu **Pusat Mengundi, Saluran, Bilangan dan Masa Mengundi**. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi awal yang dijadualkan pada 26 Februari 2019 dan hari mengundi biasa pada 2 Mac 2019.
3. Pengundi yang telah menerima kad tersebut tidak perlu lagi membuat semakan di Barung SPR untuk menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih kerana kedua-dua maklumat tersebut telah dinyatakan dalam kad tersebut. Walau bagaimanapun, SPR menegaskan bahawa pengundi tetap perlu membawa kad pengenalan bagi pengesahan identiti untuk mengundi.
4. Bagi mana-mana pengundi yang tidak menerima *voter's card* berkenaan kerana kemungkinan telah berpindah mereka boleh membuat semakan maklumat pengundian iaitu Pusat Mengundi, Saluran, Bilangan dan Masa Mengundi melalui portal SPR pengundi.spr.gov.my atau aplikasi MySPR Semak atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) (SPR <jarak> SEMAK <jarak> Nombor Kad Pengenalan ke nombor 15888 atau menghubungi talian hotline SPR di talian 03-8892 7018.

Sekian.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

**Pengerusi**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 13 Februari 2019 / 8 Jamadil Akhir 1440H